

UMP lancar aplikasi ADAB

Oleh [Asrol Awang](#) - Ogos 3, 2021 @ 5:08pm

bhnews@bh.com.my



Pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP), Aisyah Zawai dari Fakulti Komputeran bersama rakan menunjukkan aplikasi ADAB UMP yang dilengkapi maklumat pengajian dan rujukan pelajar. - Foto UMP

KUANTAN: Universiti Malaysia Pahang (UMP) melancarkan aplikasi ADAB UMP bagi pelajar untuk mendapatkan pelbagai maklumat terkini sepanjang pengajian di universiti berkenaan.

Aplikasi itu membuka akses kepada pelajar untuk mendapatkan maklumat terkini berkenaan akademik, kebajikan, kewangan dan kemudahan yang terdapat di dalam UMP.

Selain itu, aplikasi itu turut menyediakan kemudahan permohonan secara dalam talian seperti zakat, e-aduan dan sebagainya.

Ia juga menghubungkan pelajar dengan portal rasmi jabatan di UMP, agensi kerajaan dan penyedia perkhidmatan bank serta pembayaran secara dalam talian swasta.

Naib Canselor UMP, Prof Dr Wan Azhar Wan Yusoff, berkata situasi pandemik yang tidak menentu di negara ini menuntut satu tindak balas yang perlu diambil secara holistik dan pantas.

Katanya, ia bertujuan bagi memastikan perkhidmatan akademik, pembangunan pelajar dan pentadbiran universiti berada pada tahap yang terbaik.

"Walaupun kehadiran fizikal pelajar ke kampus tidak dapat dilakukan pada waktu sekarang, UMP tidak pernah berhenti dalam melakukan penambahbaikan dalam memberikan perkhidmatan secara dalam talian khususnya untuk para pelajar," katanya dalam kenyataan hari ini.

Aplikasi ADAB UMP dilancarkan bersempena perasmian Hari Suai Kenal bagi pelajar baharu program diploma, asasi dan pra diploma bagi tahun 2021 menerusi dalam talian yang disiarkan di Facebook UMP Malaysia.

Sehubungan itu, Wan Azhar mengucapkan tahniah kepada Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP) dengan kerjasama Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (PTMK) dalam menjayakan usaha membangunkan aplikasi itu.

"Ia akan sentiasa ditambah baik dengan fungsi terkini yang bersesuaian dengan keperluan semasa pengguna dan seiring dengan kemajuan teknologi terkini.

"Kita mahu pelajar memanfaatkan penggunaan aplikasi ini sebagai satu wadah maklumat yang boleh menghubungkan antara pelajar dan UMP," katanya.

Seramai 600 pelajar baharu mendaftar secara dalam talian bagi mengikuti pengajian program Diploma Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, Diploma Kejuruteraan Mekanikal, Diploma Kejuruteraan Kimia.

Selain itu, Diploma Kejuruteraan Awam, Diploma Sains Komputer, Diploma Sains Industri, Diploma Teknologi Kejuruteraan Pembuatan dan Diploma Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.

Tempoh pendaftaran secara dalam talian itu dilanjutkan kepada tarikh baharu sehingga Jumaat ini, bagi memberi peluang pelajar kepada calon pelajar yang berdepan dengan masalah semasa membuat pendaftaran.